

Dakwah Adalah Kewajipan Terhadap Umat Islam



Oleh: Muhammad Haiman Bin Dusi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 12 Julai 2021

Perkataan دَعْوَة adalah istilah yang dikembangkan dari kalimah دَعَى yang bermaksud menyeru, mengajak dan memanggil.

Islam menghuraikan makna dakwah adalah setiap usaha dan aktiviti yang bersifat menyeru dan mengajak orang untuk beriman dan taat kepada Allah SWT selari dengan akidah, syariat dan akhlak Islamiah.

Dakwah juga berkait rapat dengan komunikasi dan merupakan proses mengajak manusia supaya mengamalkan ajaran Islam dengan melakukan pengabdian yang tulus kepada Allah SWT dan menurut sunah Rasulullah SAW berlandaskan al-Quran dan hadis.



Gambar hiasan

Berdakwah adalah satu kewajipan mengajak manusia supaya beriman kepada Allah SWT, menyuruh manusia melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud: “Hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan

(mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Mereka yang demikian itulah orang yang berjaya.”

Pendakwah juga boleh menjadi ejen perubahan dalam masyarakat berkaitan isu permasalahan hukum dalam Islam yang timbul di negara kita.

Pendakwah berperanan menyampaikan pesanan dan nasihat dengan idea yang dilontarkan sehingga terdapat perubahan sikap ataupun pengukuhan terhadap sesuatu arahan.

Oleh itu, dengan menjadi ejen perubahan dalam masyarakat, pendakwah sekali gus mampu membantu mencari tindakan alternatif untuk menyelesaikan kekeliruan yang muncul dalam fikiran umat Islam terutamanya berkaitan isu hukum. Ia juga secara tidak langsung dapat mengukuhkan hubungan dengan masyarakat.

Perlu diakui bahawa YouTube telah menjadi elemen penting dalam komunikasi massa. Penggunaan YouTube bukan sahaja dari aspek hiburan tetapi ia juga telah menjadi wahana tambahan untuk memperkaya maklumat serta pengetahuan khususnya bagi generasi muda.

Oleh itu, manfaatkanlah kemajuan teknologi serta kemudahan alat telekomunikasi termasuk aplikasi media sosial untuk merentas pelbagai lapisan masyarakat bagi menyebarkan dakwah dan nilai Islam.

Berdasarkan kajian oleh seorang pensyarah, Norizah Aripin dari Universiti Utara Malaysia pada tahun 2016, terdapat banyak video berkaitan asas Islam dalam YouTube.

Carian dalam YouTube menggunakan kata kunci ‘solat’ menemukan sebanyak 357,000 video diikuti ‘syahadah’ (30,700 video), ‘puasa’ (438,000 video), ‘zakat’ (178,000 video) dan ‘haji’ (1,430,000 video).

Setiap muslim juga perlu berhati-hati dalam aspek penyebaran maklumat yang kurang tepat khususnya melalui media sosial. Jangan sesekali menyebarkan maklumat yang tidak sahih.

Perkara ini bertepatan dengan hadis daripada Ibn Umar r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Sesiapa yang membawa senjata untuk menakut-nakutkan kami, maka dia bukan daripada kalangan kami.” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Setiap manusia mampu mengajak manusia ke arah kebaikan serta memandu masyarakat ke jalan yang direndai Allah.

Masyarakat perlu tahu bahawa tanggungjawab dakwah bukan hanya terletak di bahu para agamawan, ustaz, atau tuan guru sahaja.

Tidak kira siapa pun jua sama ada seorang doktor, jurutera, ahli astronomi, petani atau pemandu bas. Semua orang berkemampuan untuk menjadi pendakwah di jalan Allah SWT.

Tanggungjawab dakwah adalah terletak pada semua Muslim dan Muslimah walaupun perkara yang disampaikan itu hanyalah sedikit.

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Barang siapa yang melihat kemungkaran hendaklah beliau mengubahnya dengan tangannya, seandainya beliau tidak mampu hendaklah dengan lisannya dan seandainya tidak mampu hendaklah dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman.”

Berdakwah merupakan amalan mulia jika dibandingkan dengan amalan yang lain. Rasulullah SAW menerangkan kelebihan orang yang berdakwah melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: “Barang siapa yang mampu membawa seseorang kepada petunjuk maka ia akan memperoleh pahala seperti pahala orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikit pun daripada pahala mereka.”

Semua manusia di muka bumi ini adalah khalifah. Sebagai khalifah yang mukalaf, kita semua perlu berani tampil menyebarkan dakwah dengan lebih efektif.

Sehubungan itu, marilah kita terus istiqamah dalam menyebarkan agama Islam sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW.